

NOTIS KAWASAN SENSITIF LAUT
PERATURAN-PERATURAN ZON EKONOMI EKSKLUSIF 2026
AKTA ZON EKONOMI EKSKLUSIF 1984 (AKTA 311)

PADA menjalankan keperluan yang dinyatakan di bawah Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Zon Ekonomi Eksklusif 2026, notis ini dikeluarkan bagi menetapkan kawasan yang dinyatakan di Lampiran sebagai kawasan sensitif laut bagi maksud perlindungan, pemeliharaan, pemuliharaan atau keselamatan fitur yang dilindungi serta bagi pencegahan, pengurangan dan kawalan pencemaran daripada struktur laut.

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Notis ini bolehlah dinamakan Notis Kawasan Sensitif Laut [MSA01/2026].
2. Notis ini mula berkuat kuasa pada 11 September 2026.

Langkah-langkah bagi perlindungan kawasan sensitif laut

3. Sebagai memenuhi keperluan Peraturan 5 Peraturan-Peraturan Zon Ekonomi Eksklusif 2026, langkah-langkah yang berikut bagi perlindungan kawasan sensitif laut hendaklah dipatuhi oleh pemunya, nakhoda atau ejen sesuatu vesel:
 - (a) Kawasan sensitif laut serta penentuan laluan layar atau alur laut adalah seperti di **Lampiran**.
 - (b) Larangan dan sekatan kemasukan vesel
Semua vesel tidak dibenarkan berlabuh di dalam kawasan sensitif laut, kecuali—
 - i. bagi suatu operasi mencari dan menyelamatkan;
 - ii. vesel berlabuh disebabkan oleh kerosakan vesel; dan
 - iii. bagi memerangi insiden pencemaran tertentu.

- (c) Larangan atau sekatan penggunaan vesel
Vesel kargo atau vesel tangki minyak yang bersaiz melebihi 300 meter panjang dan 40 meter lebar dilarang memasuki kawasan sensitif laut.
- (d) Pengawalseliaan kelajuan vesel
Semua vesel hendaklah berlayar dalam kawasan sensitif laut dengan kelajuan tidak melebihi 12 knot.
- (e) Larangan pembunuhan, pengambilan, kemusnahan atau gangguan flora dan fauna
Pemunya, nakhoda atau ejen sesuatu vesel hendaklah memastikan bahawa vesel atau apa-apa aktiviti yang dijalankan daripada vesel itu tidak membunuh, mengambil, memusnahkan atau mengganggu flora dan fauna dalam apa-apa perihalan dalam kawasan sensitif laut.
- (f) Larangan atau sekatan aktiviti yang berkemungkinan menyebabkan kerosakan pada dasar laut dan fitur yang dilindungi
Aktiviti yang berikut dilarang melainkan mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan:
- i. pengerukan;
 - ii. salvaj termasuk pencarian objek bersifat prasejarah atau bersejarah;
 - iii. pemasangan struktur;
 - iv. pemasangan, pembaikan atau penggantian kabel atau saluran paip;
 - v. aktiviti penyelidikan;
 - vi. aktiviti seismik; dan
 - vii. perlombongan atau pengambilan sumber dasar laut.

- (g) Sekatan eksploitasi sumber perikanan
- Sebarang aktiviti eksploitasi sumber perikanan di dalam kawasan sensitif laut adalah tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perikanan Malaysia selaras dengan Akta Perikanan 1985 [Akta 317];
- (h) Langkah perlindungan lain di kawasan sensitif laut
- i. Tiada aktiviti pemindahan kargo dibenarkan melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Kerajaan selaras dengan Peraturan 7 Peraturan-Peraturan Zon Ekonomi Eksklusif 2026; dan
 - ii. Tiada operasi pengisian bunker dibenarkan selaras dengan Peraturan 8 Peraturan-Peraturan Zon Ekonomi Eksklusif 2026.

Kegagalan mematuhi langkah-langkah perlindungan

4. Kegagalan mematuhi notis ini merupakan suatu kesalahan di bawah subperaturan 5(3) Peraturan-Peraturan Zon Ekonomi Eksklusif 2026.

Dikeluarkan oleh:

[KERAJAAN MALAYSIA]

Tarikh: 10 September 2026

MARINE SENSITIVE AREA NOTICE
EXCLUSIVE ECONOMIC ZONE REGULATIONS 2026
EXCLUSIVE ECONOMIC ZONE ACT 1984 [ACT 311]

IN exercise of the requirements under regulation 3 of the Exclusive Economic Zone Regulations 2026, this Notice is issued to designate the area specified in the Appendix as a marine sensitive area for the protection, preservation, conservation or safety of protected features, and for the prevention, reduction and control of pollution from marine structures.

Name and commencement

1. This Notice may be cited as the Marine Sensitive Area Notice [MSA 01/2026].
2. This Notice shall take effect on 11 September 2026.

Measures for the protection of the marine sensitive area

3. In compliance with regulation 5 of the Exclusive Economic Zone Regulations 2026, the following measures for the protection of the marine sensitive area shall be complied with by the owner, master or agent of a vessel:
 - (a) The marine sensitive area and the designated fairways or sea lanes are as specified in the **Appendix**.
 - (b) Prohibition or restriction on the entry of vessels
No vessel shall anchor within the marine sensitive area, except—
 - i. for a search and rescue operation;
 - ii. the anchoring of a vessel is due to damage of the vessel; and
 - iii. for combating specific pollution incidents.

(c) Prohibition or restriction on the use of vessels

A cargo vessel or oil tanker exceeding 300 metres in length and 40 metres in width shall not enter the marine sensitive area.

(d) Regulation of vessel speed

All vessels shall navigate within the marine sensitive area at a speed not exceeding 12 knots.

(e) Prohibition against killing, taking, destruction or disturbance of flora and fauna

The owner, master or agent of a vessel shall ensure that the vessel or any activity carried out from the vessel does not kill, take, destroy or disturb any flora or fauna of any description within the marine sensitive area.

(f) Prohibition or restriction on activities likely to cause damage to the seabed and protected features

The following activities are prohibited unless written approval is obtained from the Government:

- i. dredging;
- ii. salvage operations, including the search for prehistoric or historical objects;
- iii. installation of structures;
- iv. installation, repair or replacement of cables or pipelines;
- v. research activities;
- vi. seismic activities; and
- vii. mining or extraction of seabed resources.

(g) Restriction on the exploitation of fishery resources

Any activity involving the exploitation of fishery resources within the marine sensitive area shall be subject to the approval of the Department of Fisheries Malaysia in accordance with the Fisheries Act 1985 [Act 317].

- (h) Other protective measures in the marine sensitive area
- i. No cargo transfer activity is permitted unless written permission is obtained from the Government in accordance with regulation 7 of the Exclusive Economic Zone Regulations 2026; and
 - ii. No bunkering operation is permitted in accordance with regulation 8 of the Exclusive Economic Zone Regulations 2026.

Failure to comply with the protective measures

4. Failure to comply with this Notice constitutes an offence under subregulation 5(3) of the Exclusive Economic Zone Regulations 2026.

Issued by:

[GOVERNMENT OF MALAYSIA]

Date: 10 September 2026

**MARINE SENSITIVE AREA UNDER REGULATION 3 AND FAIRWAYS OR SEA LANES UNDER REGULATION 5
OF THE EXCLUSIVE ECONOMIC ZONE REGULATIONS 2026**

